

PM: Tingkat

UM 1 JAN 2002

KUALA LUMPUR 1 Dis. — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengajak segenap lapisan rakyat terutama orang Melayu meningkatkan penguasaan ilmu untuk berdepan dengan pelbagai cabaran baru dalam dunia moden.

Perdana Menteri berkata, tanpa ilmu, rakyat sesebuah negara itu bukan sahaja akan ketinggalan bahkan akan dihina dan ditindas dengan kejam dan inilah sedang berlaku sekarang.

“Di zaman ini, ukuran kebenaran ialah kemampuan membunuh yang teramai sekali dan kebenaran mereka akan dipuja oleh media dan badan bukan kerajaan (NGO) yang dikuasai oleh mereka. Inilah dunia moden yang kita hadapi,” katanya dalam perutusan tahun baru 2002 yang disiarkan menerusi radio dan televisyen malam ini.

● Teks ucapan penuh PM di muka 6

Beliau berkata, hanya ilmu akan dapat memungkinkan rakyat Malaysia untuk memelihara dan mengekalkan kebebasan dan maruah negara.

Bagaimanapun, beliau kecewa dengan sikap orang Melayu yang meminggirkan ilmu berbanding kaum-kaum lain dengan beranggapan ilmu-ilmu tersebut adalah sekular.

Katanya, walaupun pada mulanya orang Melayu tekun menuntut ilmu tetapi kini mereka mula meminggirkan setelah terpengaruh dengan hasutan pihak tertentu yang lebih mengutamakan kepentingan politik mereka.

■ Lihat muka 14

✓ PM: Tingkat penguasaan ilmu

Akibat terpengaruh dengan hasutan itu, katanya, segala kemudahan yang diberikan kepada Bumiputera khususnya orang Melayu menjadi sia-sia sahaja.

“Jika orang Melayu tidak mahu mengejar ilmu, negara terpaksa bergantung kepada bukan Melayu. Janganlah orang Melayu marah atau kecewa jika tugas-tugas yang penting dalam negara ini dipegang oleh orang bukan Melayu,” katanya.

Dalam perutusan itu, Dr. Mahathir berkata, tragedi 11 September telah membuka mata dunia untuk mengakui bahawa Malaysia adalah sebuah negara Islam sebenar dengan berpegang kepada kesederhanaan.

Katanya, imej Islam dapat dipulih sedikit menerusi kestabilan, demokrasi, keharmonian antara kaum dan agama serta kemajuan yang ketara di Malaysia.

Bagaimanapun, beliau mengingatkan rakyat Malaysia bahawa keadaan itu perlu dihargai dan dipertahankan dan bukan untuk dibanggakan semata-mata.

Dari segi ekonomi, Perdana Menteri berkata, walaupun tragedi itu meninggalkan kesan besar kepada ekonomi dunia tetapi Malaysia berupaya menyeras sebahagian besar kesan buruk itu.

Katanya, dengan perancangan dan peruntukan khas, Malay-

sia dapat menggantikan sumbangan luar kepada pertumbuhan ekonomi negara dengan sumber dalaman dan ia dapat dilakukan kerana kedudukan kewangan yang kukuh.

“Tidak mungkin kita membayar bonus dan mengadakan pakej rangsangan berbilion ringgit jika kita tidak mempunyai simpanan dan tabungan yang besar,” jelasnya.

Dalam pada itu, Dr. Mahathir berkata, jika dunia tidak ingin melihat tindakan keganasan, dunia hendaklah memberi perhatian kepada ketidakadilan dan penindasan yang berlaku.

Takziah

Beliau seterusnya menggesa serangan ke atas rakyat Palestin oleh Israel dihentikan melalui penghantaran tentera pengaman oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

Dalam perutusan itu juga Perdana Menteri sekali lagi merakamkan ucapan takziah di atas kemangkatan Yang di-Pertuan Agong, Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

Pada masa yang sama, katanya, kerajaan dan rakyat juga mengucapkan tahniah atas pelantikan Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalulail sebagai Yang di-Pertuan Agong yang baru.

Turut mendapat tahniah ialah kontinjen negara yang menjuarai Sukan SEA September lalu.

penguasaan ilmu